



فُجَابَةُ قُرْبَنْدَهَارَانْ نَكْرِي كَلَنْتَنْ  
PEJABAT PERBENDAHARAAN  
NEGERI KELANTAN  
Blok 4, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957  
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429  
Bendahari Negeri : 09-7483484  
Fax No : 09-7487113  
E-mail : treasury@kelantan.gov.my  
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: PKN.A.7/1-1/Jld.4 ( )  
Bertarikh : 19 Jamadil Awal 1444H  
14 Disember 2022M

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2022

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri Kelantan

Semua Ketua Syarikat Berkaitan Kerajaan Kelantan Darulnaim

Yang Berhormat Dato'/ Yang Mulia Dato'/ Yang Amat Berbahagia Dato'/ Yang Mulia Tengku/  
Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN TETAP BULANAN BAGI PENGERUSI  
BUKAN EKSEKUTIF, TIMBALAN PENGERUSI DAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH  
BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 2 Tahun 2022 berkuatkuasa 07 September 2022. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui laman web [www.pkn.kelantan.gov.my](http://www.pkn.kelantan.gov.my).

3. Kerjasama dan perhatian Yang Berhormat Dato'/ Yang Mulia Dato'/ Yang Amat Berbahagia Dato'/ Yang Mulia Tengku/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIKASIHI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD. GHANI, D.P.S.K (Kelantan)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
KELANTAN**

- s.k. 1. Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar  
2. Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2022**

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri  
dan Syarikat Berkaitan Kerajaan

Kelantan Darulnaim

---

**GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN TETAP BULANAN BAGI  
PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF, TIMBALAN PENGERUSI DAN AHLI-AHLI LEMBAGA  
PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI DAN SYARIKAT BERKAITAN  
KERAJAAN**

---

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Bagi membantu Badan-badan Berkanun Negeri (BBN) Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK) di dalam menetapkan kadar Elaun Tetap Bulanan (ETB) kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BBN/SBK; dan
- 1.2 Bagi meningkatkan lagi tadbir urus dan pengurusan kewangan BBN/SBK supaya dapat berbelanja dengan berhemah dan mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penyediaan garis panduan ini bagi menghargai peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBN/SBK adalah besar dan memerlukan kepakaran, pengalaman dan akauntabiliti yang tinggi dalam memastikan BBN/SBK beroperasi selaras dengan mandat Kerajaan dan juga objektif penubuhannya, maka adalah wajar kadar elauan yang munasabah serta setimpal dengan sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh anggota Lembaga termasuk ahli-ahli jawatankuasa di bawahnya dikaji semula.
- 2.2 Pembayaran elauan Lembaga Pengarah BBN/SBK dibuat sekali didalam setahun dalam bentuk honorarium berdasarkan kepada prestasi BBN/SBK dan Elaun Menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah dibayar bagi setiap mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Lembaga.

### **3. ELAUN PENGERUSI, TIMBALAN PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH BBN/SBK**

- 3.1 Kadar elaun yang disarankan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBN/SBK dan Jawatankuasa di bawahnya adalah sebagaimana berikut:
- 3.1.1 Pengerusi : Bayaran Elaun Tetap Bulanan (ETB) sebanyak 20% daripada gaji maksimum Ketua Jabatan BBN/SBK
- 3.1.2 Timbalan Pengerusi : Bayaran Elaun Tetap Bulanan (ETB) sebanyak 17% daripada gaji maksimum Ketua Jabatan BBN/SBK
- 3.1.3 Ahli-ahli : Bayaran Elaun Tetap Bulanan (ETB) sebanyak 15% daripada gaji maksimum Ketua Jabatan BBN/SBK
- 3.1.4 Perubahan kadar bayaran ETB hendaklah tidak melebihi 5% sama ada kenaikan atau pengurangan tertakluk kepada kelulusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.
- 3.1.5 Elaun tetap bulanan ini tidak termasuk Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar yang telah menerima gaji tetap di BBN/SBK.

### **4. LAIN-LAIN BAYARAN**

- 4.1 Bayaran honorarium dan apa-apa imbuhan khas masih boleh diberikan berdasarkan prestasi kewangan dan aliran tunai BKK/SBK serta bergantung kepada keputusan Lembaga Pengarah BKK/SBK.

## **5. KUASA MELULUSKAN KADAR BAYARAN**

- 5.1 Pelaksanaan pemberian elaun dan kemudahan di bawah garis panduan ini hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Lembaga Pengarah BBN/SBK dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan tertakluk kepada peruntukan berkaitan di bawah Akta penubuhan BBN / SBK itu.
- 5.2 Pemberian atau kenaikan elaun dan kemudahan kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan BBN/SBK dan tiada peruntukan tambahan diberikan bagi tujuan ini. Kadar elaun yang dicadangkan adalah kadar minimum/maksimum dan BBN /SBK boleh membayar kadar yang lebih rendah daripada yang dinyatakan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.
- 5.3 Kadar elaun dan kemudahan bagi pegawai sektor swasta yang menganggotai Lembaga/ Majlis/ Jawatankuasa adalah sama seperti mana yang diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang lain.

## **6. TARIKH KUATKUASA**

- 6.1 Pekeliling Perbendaharaan ini **berkuatkuasa mulai 07 September 2022.**